

Ruj. : MBOT.600-7/1/1(16)

Tarikh : 20 September 2021

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin Paduka/ Prof./ Ts./ Ir./ Dr./ Tuan/
Puan,

- I. PENYENARAIAAN LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA (MBOT) DALAM SISTEM PENGIKTIRAFAN KELAYAKAN PERKHIDMATAN AWAM (eSISRAF)**
- II. PENILAIAN AKREDITASI TAHAP 3 KERANGKA KELAYAKAN MALAYSIA OLEH LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin Paduka/ Prof./ Ts./ Ir./ Dr./ Tuan/ Puan sedia maklum, Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) adalah sebuah badan profesional yang ditubuhkan berdasarkan Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 (Akta 768) di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Dalam menjalankan fungsinya, MBOT telah mengiktiraf 23 Bidang Teknologi dan Teknikal seperti di **Lampiran A**.

- I. Penyenaraian Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) dalam Sistem Pengiktirafan Kelayakan Perkhidmatan Awam (eSisraf)**

3. Sukacita dimaklumkan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) telah menyenaraikan MBOT di dalam Sistem Pengiktirafan Kelayakan Perkhidmatan Awam (eSisraf). Ini boleh dicapai di portal <https://www2.mqa.gov.my/esisraf/profesional.cfm>. Ini bermakna graduan-graduan program akademik yang diiktiraf oleh MBOT adalah setaraf dengan kelayakan badan-badan profesional lain. (Salinan Pengumuman di **Lampiran 1**)

- II. Penilaian Akreditasi Tahap 3 Kerangka Kelayakan Malaysia oleh Lembaga Teknologis Malaysia**

4. Selaras dengan Akta 768, MQA telah memberi kebenaran kepada MBOT untuk menjalankan penilaian akreditasi bagi program Tahap 3 Malaysian Qualifications Framework (MQF) untuk 23 bidang teknologi di bawah MBOT.

Tahap 3 MQF ini meliputi program pengajian yang berasaskan bidang Teknologi dan Teknikal, yang terdiri daripada Sijil Vokasional dan Teknikal, Sijil Kemahiran dan Sijil Pengajian Tinggi. (Salinan Pengumuman di Lampiran 2)

5. Susulan dengan perkara 3 dan 4 di atas, MBOT mempelawa Institut Pengajian Tinggi (IPT) awam dan swasta yang menawarkan program-program pengajian yang berkaitan dengan 23 Bidang Teknologi dan Teknikal MBOT, untuk mendapatkan akreditasi dan pengiktirafan daripada MBOT. Kelebihan utama program-program yang diakreditasi oleh MBOT ini adalah ia bersifat dinamik seiring dengan keperluan industri.

6. MBOT berharap dengan pemakluman dua perkara di atas akan mendapat maklum balas positif daripada pihak IPT khususnya untuk mendapatkan akreditasi program-program akademik daripada pihak MBOT. Sebarang pertanyaan lanjut, boleh berhubung dengan YBrs. Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Rusllim bin Mohamed, Pengarah TTAS, MBOT di talian 011-1058 2610 atau emel m.rusllim@mbot.org.my / ttas@mbot.org.my.

Sesungguhnya segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin Paduka/ Prof./ Ts./ Ir./ Dr./ Tuan/ Puan terhadap perkara ini amatlah dihargai.

Sekian terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Salam hormat,


(DATUK IR. TS. DR. SITI HAMISAH TAPSIR)
Presiden
Lembaga Teknologis Malaysia

LAMPIRAN A

TECHNICAL AND TECHNOLOGY FIELDS RECOGNIZED BY MBOT

- | | |
|---|---|
| 1. Teknologi Elektrik dan Elektronik
<i>Electrical dan Electronic Technology (EE)</i> | 12. Teknologi Marin
<i>Marine Technology (MR)</i> |
| 2. Teknologi Maklumat dan Pengkomputeran
<i>Information and Computing Technology (IT)</i> | 13. Teknologi Maritim
<i>Maritime Technology (MI)</i> |
| 3. Teknologi Kimia
<i>Chemical Technology (CM)</i> | 14. Teknologi Hijau
<i>Green Technology (GT)</i> |
| 4. Teknologi Telekomunikasi dan Penyiaran
<i>Telecommunication and Broadcasting Technology (TB)</i> | 15. Teknologi Makanan
<i>Food Technology (FT)</i> |
| 5. Teknologi Bangunan dan Binaan
<i>Building and Construction Technology (BC)</i> | 16. Teknologi Minyak dan Gas
<i>Oil and Gas Technology (OG)</i> |
| 6. Bioteknologi
<i>Biotechnology (BT)</i> | 17. Teknologi Automotif
<i>Automotive Technology (AT)</i> |
| 7. Teknologi Berasaskan Sumber, Ukur dan Geomatik
<i>Resource Based, Survey and Geomatic Technology (RG)</i> | 18. Teknologi Aeroangkasa dan Penerbangan
<i>Aerospace and Aviation Technology (AV)</i> |
| 8. Teknologi Pembuatan dan Industri
<i>Manufacturing and Industrial Technology (ME)</i> | 19. Nanoteknologi
<i>Nanotechnology (NT)</i> |
| 9. Teknologi Berasaskan Pertanian
<i>Agro-Based Technology (AF)</i> | 20. Teknologi Nuklear dan Radiologi
<i>Nuclear and Radiological Technology (NR)</i> |
| 10. Teknologi Pengangkutan dan Logistik
<i>Transportation and Logistics Technology (TL)</i> | 21. Teknologi Senireka dan Multimedia Kreatif
<i>Art Design and Creative Multimedia Technology (AM)</i> |
| 11. Teknologi Sains Bahan
<i>Material Science Technology (MT)</i> | 22. Teknologi Keselamatan Siber
<i>Cyber Security Technology (CS)</i> |
| | 23. Teknologi Sains Atmosfera & Alam Sekitar
<i>Atmospheric Sciences & Environmental Technology (AC)</i> |



PENYENARAIAAN LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA (MBOT) DALAM SISTEM PENGIKTIRAFAN KELAYAKAN PERKHIDMATAN AWAM (eSISRAF)

PUTRAJAYA, 20 SEPTEMBER 2021 – Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) telah disenaraikan secara rasmi dalam Sistem Pengiktirafan Kelayakan Perkhidmatan Awam (eSisraf) di bawah pengiktirafan kelayakan program di peringkat Sijil, Diploma, Diploma Lanjutan dan Ijazah Sarjana Muda yang melibatkan badan profesional.

eSisraf merupakan satu daftar yang menyenaraikan semua program pengajian dari peringkat Sijil sehingga Ijazah Sarjana Muda dan kelayakan yang telah mendapat pengiktirafan Kerajaan Malaysia. Ia merupakan sumber rujukan dan panduan kepada pelbagai pihak berkepentingan berkaitan program pengajian tinggi yang dijalankan di dalam dan luar negara.

Penyenaraian ini membuktikan bahawa program-program yang telah diakreditasi oleh MBOT adalah memenuhi keperluan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) khususnya bagi tujuan para graduan untuk berkhidmat dalam sektor awam.

eSisraf boleh dicapai di <https://www2.mqa.gov.my/esisraf/profesional.cfm>.

Unit Komunikasi Korporat
Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT)
t.nabila@mbot.org.my



PENILAIAN AKREDITASI TAHAP 3 KERANGKA KELAYAKAN MALAYSIA OLEH LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA (MBOT)

PUTRAJAYA, 20 SEPTEMBER 2021 – Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency - MQA) telah membenarkan Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) menjalankan penilaian akreditasi bagi program peringkat **Sijil Tahap 3 Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework - MQF)**.

Penilaian program Tahap 3 MQF ini meliputi program pengajian berasaskan bidang-bidang Teknologi dan Teknikal yang diiktiraf oleh MBOT yang terdiri daripada Sijil Vokasional dan Teknikal, Sijil Kemahiran dan Sijil Pengajian Tinggi.

Selaras dengan peruntukan Seksyen 22 (1), Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 (Akta 768), pemohon yang mempunyai kelayakan sijil minimum MQF Tahap 3 dalam bidang Teknologi dan Teknikal yang diiktiraf oleh MBOT layak untuk berdaftar sebagai Juruteknik Berkelayakan. Seterusnya, Juruteknik Berkelayakan yang mempunyai pengalaman praktikal sekurang-kurangnya 3 tahun layak untuk diiktiraf di peringkat profesional sebagai Juruteknik Bertauliah (Tc.).

Unit Komunikasi Korporat
Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT)
t.nabila@mbot.org.my